

23 AUG 2001

IDB-PERDAGANGAN

IDB SEDIA KEMUDAHAN PEMBIAYAAN IMPORT-EKSPORT

KUALA LUMPUR, 23 Ogos (Bernama) -- Bank Pembangunan Islam (IDB) mempunyai kemudahan pembiayaan import dan eksport yang diperlukan untuk meningkatkan perdagangan di kalangan negara anggota seperti antara Malaysia dan Uganda.

Pembiayaan IDB itu berasaskan kepada prinsip-prinsip Syariah dan tidak mengenakan sebarang yuran kecuali bagi kenaikan harga komoditi, kata satu kenyataan daripada pejabat serantau IDB di sini, hari ini.

"Di bawah skim itu, pengimport Malaysia yang mengimport teh, kopi dan kapas Uganda sebagai contohnya akan disediakan kemudahan pembiayaan sehingga 12 bulan tempoh tertanggung berbanding tempoh tiga hingga enam bulan surat kredit (LC) daripada bank-bank perdagangan," kata pengarahnya, Salih Amaran.

Pembiayaan itu juga disediakan kepada pengimport Uganda bagi eksport-eksport Malaysia, katanya, sebagai reaksi kepada gesaan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kepada syarikat-syarikat Malaysia untuk memanfaatkan peluang pelaburan dan perdagangan di Uganda.

Dr Mahathir, yang berada di Uganda baru-baru ini kerana menghadiri Dialog Antarabangsa Perkongsian Pintar Global 2001 selama empat hari, berkata Malaysia boleh meningkatkan eksportnya ke Uganda jika usaha-usaha diperhebatkan.

Ahli perniagaan yang berminat mendapat penjelasan lanjut berhubung skim pembiayaan IDB itu boleh menghubungi pejabatnya di sini seperti alamat di bawah:

Pengarah,
Pejabat Serantau Bank Pembangunan Islam Kuala Lumpur,
Suite 1, Level 13, Bangunan Bank Industri, Bandar Wawasan,
Jalan Sultan Ismail, 50250 Kuala Lumpur.
Tel: 03-26946627 / 26946628
Faks: 03-26946626
E-mail: idbkul@po.jaring.my
--BERNAMA
MSL ZK